

**KUALITI PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERMINDA KELAS
PERTAMA DI ILP PASIR GUDANG JOHOR BAHRU**

SITI MARLIZA BINTI IBRAHIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KUALITI PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERMINDA KELAS PERTAMA
DI ILP PASIR GUDANG JOHOR BAHRU

SITI MARLIZA BINTI IBRAHIM

Laporan Projek Sarjana (Secara Kerja Kursus) Dikemukakan Sebagai Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan Sarjana Pendidikan (Teknik Dan
Vokasional)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2012

DEDIKASI

Ku titipkan coretan nukilan ini buat insan-insan yang teristimewa dalam hidup ini;

Ayahanda dan Ibunda Tercinta,

Haji Ibrahim Bin Idris & Hajjah Siti Minah Bt Taha

Terima kasih tidak terhingga diatas segala pengorbanan terhadap anakanda. Hanya doa diiringi untuk kesejahteraan, kebahagiaan dan keselamatan ayahanda dan ibunda didunia dan akhirat. Tinggi harapan anakanda agar berpeluang berbakti dan membalas jasa ayahanda dan ibunda.

Buat Siti Marhaini, Nasirrudin, Siti Marlina dan Muhammad Fauzi,

Kejayaan kalian menjadi pemangkin kepada diriku untuk terus berjaya seperti kakak kakak dan abang-abang tersayang. Semoga ikatan persaudaraan kita kekal selamanya. Setiap kesenangan dan kesusahan akan kita harungi bersama.

Anak saudara yang Disayangi, Muhamad Arif Hamizan dan Siti Nor Aleeya

“Semoga menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat”

Pensyarah-pensyarah yang Disanjung,

Dr. Rohana Bt Hamzah dan lain-lain

Kegigihan kalian dalam mendidik tidak akan dilupakan. Kalian umpama pelita yang menerangi kegelapan sanubari ini. Terima kasih untuk segalanya. Hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas jasa kalian

Buat Insan Tersayang

Terima kasih di atas kesabaran dan kata-kata semangat diberi yang menjadi pendorong untuk diriku dalam meneruskan perjuangan ini

& Teman Seperjuangan yang Dikasihi,

Kalian tidak akan saya lupakan. Semoga persahabatan ini berkekalan.

PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga saya menyempurnakan tugas ini. Sepanjang menjalankan kajian ini, saya telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup saya sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang diperolehi sepanjang menjalankan kajian ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup saya. Justeru itu, saya juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan berkaitan kajian ini

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek, Dr. Rohana Bt Hamzah yang tidak jemu memberi tunjuk ajar, bimbingan serta meluangkan masa beliau sepanjang tempoh kajian ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu saya dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan ini.

Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada pegawai-pegawai dan pelatih-pelatih di Insitut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Johor Bahru yang telah memberi kerjasama serta komitmen sehingga saya akhirnya dapat menyiapkan kajian ini. Segala bentuk bantuan yang dihulurkan dalam menjayakan kajian ini amatlah dihargai.

Akhir kata, diharap projek ini dapat memenuhi kehendak dan tujuan asal kajian dan semoga segala kebaikan yang diperjuangkan di dunia ini mendapat rahmat dan diberkati Ilahi. Insyaallah.

ABSTRAK

Sistem pendidikan di Malaysia khususnya pendidikan teknik dan vokasional sedang memasuki era baru melalui transformasi yang dijalankan. Dalam konteks ini, modal insan yang lahir daripada sistem pendidikan teknik dan vokasional wajar dilengkapi dengan beberapa aspek bagi memastikan kualiti output yang dihasilkan terjamin. Kajian deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kualiti pembangunan berdasarkan ciri-ciri modal insan berminda kelas pertama di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Johor Bahru. Aspek yang dikaji dalam membangunkan modal insan berminda kelas pertama adalah pembangunan kerohanian, pembangunan tanggungjawab kepimpinan sosial, pembangunan pengetahuan akademik dan kemahiran kerjaya. Rekabentuk penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan deskriptif dengan jumlah responden sebanyak 175 orang. Responden terdiri daripada pelatih-pelatih semester 3 dan 4 yang mengikuti kursus dalam bidang kejuruteraan diperingkat sijil. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A yang melibatkan latar belakang responden dan bahagian B yang melibatkan maklumbalas responden terhadap persoalan-persoalan kajian. Nilai kebolehppercayaan berada pada tahap yang tinggi iaitu $\alpha = 0.892$. Analisis data dibuat berdasarkan peratusan dan min dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 16.0 untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan tahap kualiti pembangunan modal insan berminda kelas pertama dikalangan pelatih ILP Pasir Gudang berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min 4.52. Hasil kajian mendapati, pelatih-pelatih ILP Pasir Gudang telah menguasai elemen-elemen pembangunan kerohanian dengan purata min 4.59, pembangunan kepimpinan tanggungjawab sosial min 4.36, pembangunan pengetahuan akademik dengan min 4.63 dan pembangunan kemahiran kerjaya min 4.48. Analisis inferensi juga dijalankan ke atas elemen latar belakang kursus responden dengan faktor pembangunan kerohanian, pembangunan tanggungjawab kepimpinan sosial, pembangunan pengetahuan akademik dan kemahiran kerjaya. Hasil dapatan mendapati tiada perbezaan signifikan antara kesemua faktor dengan program di ILP. Oleh itu, dicadangkan, agar kajian ini dilanjutkan untuk mengetahui tahap pembangunan modal insan pelatih ILP di seluruh Malaysia.

ABSTRACT

The Malaysia education system especially technical and vocational education is now entering a new era by transformations conducted. In this context, human capital produced from this system should be completed with some aspects to ensure the output of quality is assured. The purpose of this study is to determine the quality of human capital based on first class minded criteria during training program at Industrial of Training Institute (ILP) Pasir Gudang, Johor Bahru. The aspects that have been studied are spiritual development, social leadership development, academic knowledge development and career skills. Research design used in this study is descriptive research with a total of 175 respondents. Selected respondents are trainees from semester 3 and 4 who are enrolled in various engineering course at the certificate level. The instrument used is a set of questionnaire that is divided into two sections, which is Part A regarding the respondent's demography and part B regarding the respondent's feedback to the research questions. The reliability value for the instrument is $\alpha = 0.892$ which is at the highest level. The result of this study has been analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 16.0 software to obtain frequency, percentage and mean. The findings of this research show that the quality of first class minded among the trainees in ILP Pasir Gudang is at high levels with an average mean value 4.52. The further analysis found that mean for spiritual development is 4.59, mean for social leadership development is 4.36, mean for academic knowledge development is 4.63 and mean for career skills development is 4.48. Inferential analysis also carried out on element of program with spiritual development, social leadership development, academic knowledge development and career skills. The finding were found, there is no significant between all the factors with the programmed offered by ILP. Therefore, based on this study, it is suggested to conduct this research further at all Malaysia's Institute of Industrial Training (ILP) in order to determine a holistic level of human capital development among trainees.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Skop Kajian	9

1.7	Kepentingan Kajian	10
1.7.1	Institut Latihan Perindustrian	10
1.7.2	Pelatih	10
1.8	Batasan Kajian	11
1.9	Kerangka Kajian	11
1.10	Definisi Kajian	15
1.10.1	Kualiti Modal Insan	15
1.10.2	Institut Latihan Perindustrian	15
1.10.3	Minda Kelas Pertama	16
1.11	Penutup	16

2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	17
2.2	ILP Pasir Gudang	18
2.3	Definisi Modal Insan	21
2.4	Kualiti Modal Insan	23
2.5	Peranan Pembangunan Modal Insan	24
2.6	Membangunkan Modal Insan berlandaskan Al-Qur'an	26
2.7	Pembangunan Modal Insan yang Berdaya Saing, Berintegriti dan Berkemahiran	34
2.8	Peranan Institusi Pendidikan Dalam Membentuk Modal Insan	34
2.9	Minda Kelas Pertama	37
2.10	Ciri-ciri Minda Kelas Pertama	38
2.11	Pembentukan Minda Kelas Pertama	40
2.12	Penerapan Minda Kelas Pertama Dalam Pendidikan	42
2.13	Kepentingan Penerapan Minda Kelas Pertama	44
2.14	Penutup	45

3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	46
3.2	Rekabentuk Kajian	47
3.3	Lokasi Kajian	48
3.4	Populasi Kajian dan Sampel Kajian	48
3.5	Instrumen Kajian	50
3.6	Kajian Rintis	52
3.7	Prosedur Kajian	54
3.8	Analisis Data	57
3.9	Penutup	59
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	60
4.2	Analisis Data	60
4.3	Bahagian A: Latar Belakang Responden	61
4.3.1	Jantina	61
4.3.2	Umur	63
4.3.3	Kursus	64
4.3.4	Latar Belakang Sekolah terdahulu	65
4.4	Bahagian B: Persoalan Kajian	67
4.4.1	Persoalan Kajian 1	67
4.4.1.1	Apakah tahap pembangunan modal insan di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan kerohanian	67
4.4.1.2	Apakah tahap pembangunan modal insan di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan kepimpinan tanggungjawab sosial	69
4.4.1.3	Apakah tahap pembangunan modal insan di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan pengetahuan akademik	72

4.4.1.4	Apakah tahap pembangunan modal insan di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan kemahiran kerjaya	74
4.4.2	Dapatan Keseluruhan Persoalan Kajian	76
4.5	Analisis Inferensi	77
4.5.1	Perkaitan antara Persoalan Kajian dengan Elemen Kursus	78
4.6	Penutup	81
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	82
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	83
5.2.1	Rumusan A: Latar Belakang Responden	84
5.2.2	Rumusan B: Persoalan Kajian	85
5.3	Perbincangan Bahagian B – Perbincangan Persoalan Kajian	86
5.3.1	Tahap pembangunan modal insan di ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan Kerohanian	86
5.3.2	Tahap pembangunan modal insan di ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan kepimpinan tanggungjawab sosial	90
5.3.3	Tahap pembangunan modal insan di ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan pengetahuan akademik	92
5.3.4	Tahap pembangunan modal insan di ILP Pasir Gudang berdasarkan kemahiran kerjaya	94
5.4	Tahap Kualiti Pembangunan Modal Insan pada Tahap Tinggi	96
5.5	Perkaitan antara Persoalan Kajian Berdasarkan Kursus Pengajian	97
5.6	Masalah yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian	98
5.7	Cadangan Kajian	98
5.8	Penutup	99

RUJUKAN	100
LAMPIRAN	104

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Taburan Pelatih Mengikut Kursus dan Semester bagi Sesi 2011/2012	49
3.2	Elemen Analisis Tahap Kualiti Pembangunan Modal Insan Berminda Kelas Pertama	51
3.3	Taburan Skor Mengikut Skala Likert	52
3.4	Nilai Kebolehpercayaan Item bagi setiap Soalan Kajian	54
3.5	Jadual Skala Likert Lima Mata kepada Tiga Mata	58
3.6	Taburan Nilai Min Mengikut Tahap	58
4.1	Kekerapan dan Peratusan bagi Item Jantina	62
4.2	Kekerapan dan Peratusan bagi Item Umur	63
4.3	Kekerapan dan Peratusan bagi Item Kursus	65
4.4	Kekerapan dan Peratusan bagi Item Latar Belakang Pendidikan Terdahulu	66
4.5	Taburan nilai min setiap item mengikut persepsi responden terhadap pembangunan modal insan di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan kerohanian	68
4.6	Taburan nilai min setiap item mengikut persepsi responden terhadap pembangunan modal insan di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan tanggungjawab kepimpinan sosial	70
4.7	Taburan nilai min setiap item mengikut persepsi responden terhadap pembangunan modal insan di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan pembangunan pengetahuan akademik	72

4.8	Taburan nilai min setiap item mengikut persepsi responden terhadap pembangunan modal insan di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan kemahiran kerjaya	74
4.9	Analisis Keseluruhan Kajian	76
4.10	Analisis Perbezaan di antara Pembolehubah Kajian dengan Elemen Kursus	78
4.11	Analisis Tahap Pembangunan Modal Insan Berminda Kelas Pertama di ILP Pasir Gudang Berdasarkan Kursus	80

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Kajian	14
2.1	Carta Organisasi ILP Pasir Gudang	19
2.2	Falsafah Pendidikan yang Berpaksikan Ketuhanan	35
2.3	Kelas Minda Berdasarkan Ciri	39
2.4	Kolaborasi Elemen Asas Pendidikan dan Program Program Pembangunan Dalam Membentuk Sumber Manusia Berminda Kelas Pertama	43
3.1	Carta Alir Prosedur Kajian	55
4.1	Kekerapan dan Peratusan bagi Item Jantina	62
4.2	Kekerapan dan Peratusan bagi Item Umur	64
4.3	Kekerapan dan Peratusan bagi Item Latar Belakang Pendidikan Terdahulu	66

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

ILP	Institut Latihan Perindustrian
MI	Modal Insan
RMK9	Rancangan Malaysia ke-9
s.w.t	subhanahu wataala
s.a.w	salallahualaihiwasallam

SENARAI LAMPIRAN		
LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	104
B	Surat Kesahan Pensyarah	113
C	Surat kebenaran Kajian	116

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan


Malaysia kini telah menjangkau usia kemerdekaan ke 55 tahun dan telah memperlihatkan perkembangan yang pesat dari segi ekonomi, sosial, kebudayaan dan pendidikan. Seiring dengan kemajuan ini, pendidikan teknik dan vokasional perlu berubah dan berkembang di era globalisasi yang penuh cabaran bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Sistem pendidikan di Malaysia sedang mengalami proses transformasi bagi menjamin perkembangannya. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh agensi atau kementerian bertanggungjawab dalam bidang pendidikan. Antara usaha yang dilakukan adalah transformasi bidang pendidikan teknik dan vokasional dengan penetapan visi dan misi menerusi pelan strategik PTV. Semua usaha yang dilaksanakan ini adalah bertujuan melahirkan modal insan berminda kelas pertama yang berkualiti dan mampu membangunkan negara.

Modal insan adalah sumber utama negara dalam menjayakan aspirasi pembangunan negara. Menurut Zaini (2008), modal insan berminda kelas pertama adalah individu yang mempunyai penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif, kekayaan moraliti dan budaya menyumbang dalam melaksanakan sesuatu

pekerjaan. Ciri-ciri ini yang dimiliki oleh individu merupakan suatu pakej kepada diri selain daripada aspek kemahiran dan pengetahuan. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 modal insan adalah perkara yang diberi penekanan oleh pihak kerajaan. Ianya menjadi satu keperluan masa kini kerana dalam konteks pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan manusia menjadi fokus utama. Manusia dengan potensi yang terdapat dalam dirinya merupakan aset yang perlu dikembangkan dan digerakkan untuk mencapai segala tujuan atau matlamat kehidupan untuk membawa kesejahteraan, keharmonian kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Namun ia perlu dinilai bagi memastikan segala tujuan atau matlamat yang ingin dicapai dilaksanakan dengan sempurna dan jayanya

Dalam pada itu, perbincangan tentang modal insan berminda kelas pertama juga telah membuka satu perspektif baru apabila ianya turut dilihat dari sudut yang terdapat pada ajaran Islam. Dewasa ini, pembinaan insan yang berpengetahuan, berkemahiran, dinamik dan mempunyai nilai moral tinggi dibentuk melalui proses pendidikan dan ia perlulah selaras dengan tuntutan agama. Oleh itu tanggungjawab institut pendidikan dalam membentuk kualiti individu ini dengan sebaik-baiknya. Allah s.w.t telah menyebut mengenai insan dalam Al-Quran sebagai umat istimewa dan merupakan khalifah Allah di bumi ini. Firman Allah s.w.t:


 لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah telah menciptakan kamu (manusia) dengan penciptaan yang terbaik”*

(SurahTin, 95:4)

Dalam pembangunan modal insan yang unggul dalam kalangan individu, beberapa elemen perlu diterapkan dalam kehidupan seharian, sekaligus ianya dapat membina jati diri yang syumul bertepatan dengan keperibadian junjungan besar Rasulullah seperti sabda Baginda s.a.w dalam hadis yang diriwayatkan oleh Iman Bukhari

Maksudnya: “Sesungguhnya aku (Nabi Muhammad) diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”

(Sufean, 2005)

Dalam pembentukan elemen tersebut adalah melalui pembinaan secara berterusan dan konsisten agar proses penyerapan dan pembentukan nilai-nilai murni ke dalam jiwa individu dapat dihayati sepenuhnya. Kepincangan norma akhlak yang murni dalam kalangan masyarakat antaranya berpunca daripada kurangnya fokus dan penumpuan terhadap pembinaan kerohanian yang sempurna dan mantap. Justeru, pembinaan akidah yang sempurna dan sesuai dengan landasan syariat Islamiah adalah merupakan tunjang penting dalam pembentukan insan yang harmoni serta mendapat kebaikan duniawi (*hasanah fid-dunya*) dan ukhrawi (*hasanah fil-akhirat*) (Abdul Rahman,2005)

Dalam pada menghasilkan sumber manusia atau modal insan berkualiti, institusi latihan sewajarnya menerapkan ke semua unsur menjadi satu ramuan. Ramuan itu hadir menerusi gabung jalin antara pengetahuan, kemahiran, ketrampilan, personaliti dan ciri-ciri modal insan kelas pertama yang seharusnya ada dalam diri modal insan. Dalam konteks kajian ini modal insan merujuk kepada pelatih-pelatih institut latihan kemahiran. Justeru itu, penyelidik akan menjalankan kajian untuk mengenalpasti tahap kualiti pembangunan modal insan berminda kelas pertama di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Johor Bahru.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sistem pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia mempunyai beberapa peringkat. Bermula daripada peringkat rendah, menengah dan pengajian tertiar. Salah satu institusi yang menawarkan latihan dalam pendidikan teknik dan vokasional adalah Institut Latihan Perindustrian (ILP). Secara keseluruhannya, terdapat 22 buah ILP di seluruh Malaysia dan salah satunya adalah ILP Pasir Gudang. Institut latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang merupakan pusat latihan separuh mahir yang menawarkan kursus diperingkat sijil di bawah kelolaan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Kementerian Sumber Manusia. Penubuhan ILP adalah untuk membangun dan menjalankan program latihan kemahiran bersesuaian dengan keperluan negara dan perkembangan teknologi. (www.ilppg.gov.my, 2011)

Setiap organisasi pendidikan mempunyai visi dan misi yang ditetapkan. Sehubungan itu, visi Institut latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang adalah untuk menjadi organisasi peneraju dalam membangunkan tenaga kerja yang berdaya saing. Manakala misi ILP Pasir Gudang adalah untuk mengeluarkan tenaga kerja yang berdaya saing. Kini, negara memberi fokus kepada pembangunan modal insan untuk melahirkan pelatih yang terbilang dan memenuhi kehendak masyarakat, majikan, serta memberikan sumbangan kepada kemajuan negara. (www.ilppg.gov.my, 2011)

Namun dalam usaha institut pendidikan ini ke arah mencapai Wawasan 2020 untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama, saban hari negara didedahkan dengan isu-isu yang berkaitan modal insan di Malaysia. Antara isu kualiti modal insan yang sering diperkatakan pada masa kini adalah kadar pengangguran di Malaysia yang semakin meningkat. Statistik yang diumumkan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam 2011, menunjukkan bilangan penganggur setakat Januari 2011 ialah 421,800 orang atau 3.4% daripada jumlah penduduk Malaysia (Utusan Malaysia 4/1/2011). Antara faktor utama berlakunya fenomena ini adalah kerana pelatih yang dihasilkan masih tidak dapat memenuhi kehendak organisasi. Terdapat majikan yang menganggap kompetensi akademik dan

kemahiran teknikal sahaja tidak mencukupi dan mula meminta institusi pendidikan untuk menghasilkan pelatih yang dilengkapi dengan pelbagai kemahiran. Menurut Abdul Rahman (2006), kemahiran yang diperlukan merangkumi keterampilan individu, kebolehpercayaan individu dan juga pembangunan kerjaya. Bagaimanapun, masih terdapat kekurangan kedapatan kemahiran dalam hasil kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ini dapat dijelaskan menerusi kajian yang menyatakan bahawa kemahiran “*employability*” merupakan elemen penting dalam membangunkan modal insan negara (Ahmad Rizal, 2009)

Kekurangan kemahiran “*employability*” penyebab kepada kepincangan modal insan negara. Modal insan yang mempunyai kemahiran “*employability*” dari segi keperibadian, penampilan, keyakinan diri, mahir berkomunikasi dan mampu membuat keputusan dengan pantas di samping pengetahuan akademik menjadi rebutan para majikan. Kemahiran “*employability*” ini perlu, kerana individu yang berkemahiran teknikal yang baik tanpa memiliki kemahiran “*employability*” adalah dianggap tidak berkualiti (Mohd Yusuff, Mohd Fadhil, Naimah Yong, 2005). Kajian barat turut membuktikan kemahiran ini adalah satu aspek kompetensi pekerjaan yang harus diketahui dan dimiliki oleh setiap pekerja bagi membolehkan mereka menjadi seorang pekerja yang benar-benar berketerampilan dan berkeupayaan tinggi dalam dunia pekerjaan yang diceburi (Overtoom, 2000). Kemahiran “*employability*” adalah merupakan kemahiran bukan teknikal yang sangat penting dalam pembangunan diri dan sahsiah serta berguna untuk melahirkan insan yang mempunyai keterampilan diri dan berdaya saing dalam kehidupan. Oleh itu usaha secara berterusan perlu dilakukan untuk mempertingkatkan kemahiran tersebut serta berusaha menambahkan ilmu pengetahuan perlu bagi memastikan peningkatan kualiti diri.

Masalah pembangunan ilmu di kalangan pekerja merupakan salah satu lagi cabaran dalam membangunkan modal insan. Menurut Nabihah (2010), terdapat juga pelatih pada hari ini kurang berminat kepada ilmu yang mendatangkan kebaikan sebaliknya lebih berminat kepada pengetahuan yang tidak membawa faedah. Malahan ada segelintirnya lebih cenderung kepada hiburan berbanding memperkembangkan ilmu yang ada dan menambah ilmu yang lain untuk kegunaan

di masa akan datang . Malahan ada sesetengah golongan pula sanggup menggunakan ilmu dan potensi serta kemahiran yang dianugerahkan kepada mereka untuk melakukan perkara yang menyalahi agama dan undang-undang.

Dari segi kesalahan undang-undang, terdapat golongan yang tidak bertanggungjawab ini sanggup melakukan perbuatan tidak bermoral seperti menerima rasuah dan pecah amanah. Ini jelas dapat dibuktikan dalam Utusan Online (21 Julai 2008) melalui penangkapan jurutera pembinaan atas tuduhan rasuah berjumlah RM63,000 dan seorang mekanik dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan merasuah (Bernama, 24 April 2012). Peristiwa ini menggambarkan bahawa senario pecah amanah dan rasuah merupakan amalam yang tidak bertikan dikalangan professional. Senario ini amatlah membimbangkan kerana kesan daripada perbuatan ini bukan hanya meruntuhkan nilai akhlak dan moral modal insan negara, malah mampu menggoyahkan pembangunan ekonomi negara, kredibiliti dan integriti para pekerja.

Dewasa ini, terdapat pelbagai masalah yang timbul berkaitan kualiti pekerja yang perlu ditangani bersama dalam pembangunan modal insan yang dihasratkan. Dalam konteks ini pelatih institut kemahiran ILP sebagai bekalan modal insan negara apabila keluar bekerja kelak. Mereka ini juga dilihat sebagai pewaris negara, jadi jika tidak dipimpin dan dibentuk dengan betul boleh membawa tanah air tercinta ke lembah kebinasaan.

Sejajar dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti usaha yang diambil oleh Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang di dalam melahirkan pelatih yang mempunyai kualiti pembangunan modal insan berminda kelas pertama. Hasil kajian ini diharapkan dapat melahirkan pelatih yang mempunyai kualiti berdaya saing, mempunyai jati diri, berkemahiran, ilmu pengetahuan yang relevan dan sikap serta tingkah laku yang betul di dalam membentuk modal insan yang disasarkan bagi memenuhi sektor pekerjaan sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

1.3 **Penyataan Masalah**

Pemimpin negara kita amat jelas mengenai keperluan-keperluan negara terutamanya di dalam aspek keperluan kepada modal insan. Kepentingan ini makin kerap disuarakan di media cetak dan elektronik bagi menunjukkan betapa seriusnya keperluan ini untuk menjamin negara supaya berada di landasan yang betul di dalam menghadapi cabaran persaingan untuk memajukan negara.

Institut Latihan Perindustrian (ILP) sebagai sebuah institut pendidikan teknikal dan vokasional sudah tentu memikul tanggungjawab yang besar bagi merealisasikan hasrat negara ini. Ia perlu memastikan produk yang dihasilkan benar-benar berkualiti dan bersesuaian dengan keperluan negara masa kini. Keperluan menyediakan peluang pendidikan yang mampan serta mampu melahirkan pelatih-pelatih yang cemerlang di dalam pelbagai aspek khususnya pembangunan kerohanian, tanggungjawab kepimpinan sosial, pembangunan akademik dan kerjaya. Kesemua aspek ini penting dalam pembangunan modal insan berminda kelas pertama yang berkualiti dan mampu memenuhi keperluan industri negara

Kita sedia maklum sektor perindustrian merupakan penyumbang terbesar kepada pembangunan ekonomi dan pendapatan negara. Namun masih lagi kedengaran rungutan tentang kualiti pelatih dilahirkan yang tidak dapat memenuhi keperluan pekerjaan di sektor perindustrian. Jika permasalahan ini tidak ditangani dengan baik dikhuatiri kepincangan kualiti pelatih akan memberi impak negatif kepada pembangunan negara. Dari permasalahan yang telah diutarakan, penyelidik ingin menjalankan kajian ini dengan tujuan untuk mengenalpasti tahap kualiti pembangunan modal insan berminda kelas pertama di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang dari segi pembangunan kerohanian, pembangunan kepimpinan tanggungjawab sosial, pembangunan pengetahuan akademik dan kemahiran kerjaya.

1.4 Objektif Kajian

Daripada pernyataan isu yang telah dibincangkan, kajian ini dijalankan untuk memenuhi beberapa objektif. Antara objektif utama kajian adalah untuk;

- 1.3.1 Menenalpasti latar belakang responden dari segi jantina, kursus, umur dan latar belakang pendidikan
- 1.3.2 Menenalpasti tahap pembangunan modal insan berminda kelas pertama di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan:
 - a. Pembangunan kerohanian
 - b. Pembangunan kepimpinan tanggungjawab sosial
 - c. Pembangunan pengetahuan akademik
 - d. Pembangunan kemahiran kerjaya
- 1.3.3 Menenalpasti perbezaan signifikan tahap pembangunan modal insan berminda kelas pertama di ILP Pasir Gudang berdasarkan kursus

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan yang berkaitan dengan objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut;

- 1.5.1 Apakah latar belakang responden dari segi jantina, kursus, umur dan latar belakang pendidikan?

1.5.2 Apakah tahap pembangunan modal insan berminda kelas pertama di kalangan pelatih ILP Pasir Gudang berdasarkan:

- a. Apakah tahap pembangunan kerohanian?
- b. Apakah tahap pembangunan kepimpinan tanggungjawab sosial?
- c. Apakah tahap pembangunan pengetahuan akademik?
- d. Apakah tahap kemahiran kerjaya?

1.5.3 Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap pembangunan modal insan berminda kelas pertama di ILP Pasir Gudang berdasarkan kursus?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kualiti pembangunan modal insan di ILP Pasir Gudang dalam pembentukan moral yang tinggi dengan penghayatan konsep minda kelas pertama di kalangan pelatih. Antara aspek pembangunan modal insan yang diberi penekanan adalah pembangunan kerohanian, pembangunan kepimpinan tanggungjawab sosial, pembangunan pengetahuan akademik dan kemahiran kerjaya. Kajian ini melibatkan pelatih-pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang yang menduduki semester 3 dan 4 bagi sesi 2011/2012. Data-data yang diperlukan diperolehi melalui pengagihan set soal selidik kepada pelatih yang terlibat. Oleh itu, kajian ini hanya terhad kepada persoalan-persoalan kajian yang dinyatakan sahaja.

1.7 Kepentingan Kajian

Penyelidik sangat berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu untuk melahirkan generasi yang mempunyai kualiti berminda kelas pertama yang dapat membentuk pembangunan negara di masa akan datang. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektif dengan tujuan untuk mengenalpasti tahap kualiti pembangunan modal insan yang dikatakan berminda kelas pertama. Di mana kajian ini diharap dapat membantu pihak Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang dalam membangun modal insan yang bukan sahaja mempunyai kejituan dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran malahan juga berinspirasi melahirkan pelatih yang mempunyai kriteria-kriteria dan moraliti yang tinggi seperti yang digariskan dalam ciri-ciri berminda kelas pertama seperti yang diwar-warkan oleh mantan perdana menteri Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi.

1.7.1 Institut Latihan Perindustrian (ILP)

Di samping itu juga, dengan pelaksanaan kajian ini sebagai satu *benchmarking* atau penanda aras kepada insitut-insitut kemahiran lain terutamanya Institut Latihan Perindustrian di seluruh Malaysia dalam membangunkan kualiti modal insan yang ingin dilahirkan.

1.7.2 Pelatih

Dengan kajian ini juga, diharapkan dapat memberi kesedaran kepada para pelatih dalam menjiwai nilai-nilai murni yang berdasarkan kepada konsep minda kelas pertama untuk membentuk jati diri masing-masing. Dengan pembentukan jati

diri akan memberi impak yang positif kepada diri malahan juga kepada agama, keluarga, masyarakat, negara dan juga di arena globalisasi.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Johor Bahru sahaja. Oleh itu dapatan kajian hanya boleh di generalisasikan di sekitar ILP. Pemilihan ILP ini sebagai tempat kajian memandangkan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang merupakan sebuah institusi pendidikan yang menyediakan asas kemahiran kepada pelatih selain daripada 22 buah ILP yang terdapat di seluruh Malaysia. Selain itu juga, daripada penelitian buletin tahunan ILP, didapati bahawa Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang merupakan sebuah institut yang aktif dalam melaksanakan program-program yang berasaskan pembangunan modal insan.

Manakala daripada segi pemilihan responden, hanya pelatih di semester 3 dan 4 daripada pelbagai kursus yang terlibat sebagai responden kajian. Akhir sekali, keputusan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soal selidik yang diberi.

1.9 Kerangka Kajian

Rangka teori kajian dalam rajah 1.1 menerangkan secara keseluruhan tentang proses rangkuman kajian yang hendak dijalankan oleh penyelidik. Terdapat empat pemboleh ubah tidak bersandar yang digunakan iaitu pembangunan kerohanian, pembangunan tanggungjawab kepimpinan sosial, pembangunan pengetahuan akademik dan kemahiran kerjaya. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah

modal insan berminda kelas pertama. Pembolehubah-pembolehubah yang tidak bersandar ini digunakan sebagai asas mengukur pemboleh ubah bersandar iaitu tahap pembangunan modal insan berminda kelas pertama di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Johor Bahru.


Dalam konteks kajian ini penyelidik memfokuskan kepada pelatih institut kemahiran ILP sebagai modal insan. Ini kerana pelatih-pelatih di ILP merupakan sebahagian daripada sumber modal insan negara yang akan berkhidmat dalam sesebuah organisasi kelak. Menurut Zaini (2006), kepentingan meningkatkan modal insan perlu ditekankan. Pembangunan dan pengurusan yang cekap akan menghasilkan modal insan yang berkualiti, produktif dan seterusnya menghapuskan masalah yang berkaitan dengan modal insan seperti malas bekerja, suka berlengah, membuang masa, leka dan lain-lain.

Namun demikian, dalam merealisasikan minda kelas pertama, perlakuan yang bersifat negatif ini perlu dilakukan penambahbaikan dan digabungkan dengan unsur nila-nilai murni

Semua perkara ini boleh dilaksanakan melalui pembangunan kerohanian, pembangunan kepimpinan, pembangunan pengetahuan akademik dan pembangunan kerjaya. Menurut hadis di dalam al-Quran, Islam datang untuk membawa perubahan dan pembangunan. Prinsip perubahan dan pembangunan ini ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Ra'd ayat 11

Maksud: *“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka”*

Oleh yang demikian, Islam sebagai agama yang syumul menegaskan bahawa, perubahan pembangunan modal insan hendaklah bermula dengan perubahan individu iaitu diri manusia itu sendiri. Akhirnya pembangunan seperti ini akan melahirkan manusia yang berminda kelas pertama iaitu modal insan yang beriman, bertaqwa dan mengamalkan nilai-nilai murni, mempunyai daya kepimpinan dan daya saing yang tinggi. Selain itu, dapat membentuk modal insan yang bertoleransi, bekerjasama, berketerampilan dan memiliki daya komunikasi berkesan serta kreatif dan berilmu (Abdul Majid, 2007).



Rajah 1.1: Kualiti Pembangunan Modal Insan Berminda Kelas Pertama

1.10 Definisi Kajian

Bagi memastikan kajian ini dapat difahami dengan jelas, terdapat beberapa istilah yang perlu didefinisikan secara jelas bagi mengelakkan sebarang kecelaruan atau kesilapan pemahaman tafsiran kepada mana-mana pihak. Penyelidik memberi definisi istilah kajian secara konsep dan operasional. Definisi bagi konsep-konsep yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut;

1.10.1 Kualiti Modal Insan

Kualiti menurut Kamus Dewan (Edisi Ketiga) 2002, darjah kecemerlangan biasanya yang tinggi dan bermutu dimana kualiti produk dan perkhidmatan yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak dan keperluan individu atau organisasi (Aladdin,1997). Manakala dari sudut pendidikan sumber manusia tertumpu kepada mahasiswa atau pelatih yang merupakan golongan terpelajar dan berpendidikan tinggi yang bakal mengambil alih pucuk pimpinan dan merupakan aset insani negara. Aspek kualiti sumber manusia dalam kajian merangkumi tahap pembangunan pelatih dan belia menjadi insan yang berkualiti dan bermutu tinggi yang merupakan aset negara yang tidak ternilai harganya.

1.10.2 Institut Latihan Perindustrian (ILP)

Merupakan sebuah pusat latihan separuh mahir yang menawarkan kursus diperingkat sijil di bawah kelolaan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Kementerian Sumber Manusia. Penubuhan ILP adalah untuk membangun dan menjalankan program latihan kemahiran bersesuaian dengan keperluan negara dan perkembangan teknologi. Tujuan penubuhannya adalah sebagai pusat latihan berprestij untuk pembangunan sumber manusia kearah wawasan 2020. (www.ilppg.gov.my, 2011)

1.10.3 Minda Kelas Pertama

Menurut Ishak Saat (2009), minda kelas pertama merujuk kepada individu yang mempunyai ciri-ciri positif merangkumi penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif, tidak mementingkan diri, iltizam, gigih, progresif, berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang dan berintegriti.

1.11 Penutup

Sebagai kesimpulan bagi keseluruhan bab ini, penyelidik telah membincangkan perkara berkaitan pengenalan, latarbelakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, dan beberapa definisi istilah yang digunakan dalam kajian yang hendak dikaji. Kajian ini memberikan fokus pada pernyataan masalah yang membincangkan pembangunan modal insan dengan penerapan konsep minda kelas pertama dalam membentuk modal insan berminda kelas pertama di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang.

Bab seterusnya dalam penulisan ini, penyelidik akan memperhalusi kajian dengan membincangkan perkara berkaitan sorotan kajian. Dalam bab sorotan kajian, penyelidik menekankan lebih terperinci pengertian modal insan, kualiti modal insan, peranan pembangunan modal insan, Al-Qur'an penjana modal insan, pembangunan modal insan yang berdaya saing, berintegriti dan berkemahiran peranan institusi pendidikan dalam membentuk modal insan, minda kelas pertama, ciri-ciri minda kelas pertama, pembentukan minda kelas pertama, penerapan minda kelas pertama dalam pendidikan serta kepentingan penerapan minda kelas pertama.

RUJUKAN

- Abu Bakar (1997) *Kualiti Sepintas Lalu*. Shah Alam: D' FA Print Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Ahmad (2006). *Pembangunan Modal Insan: Apa dan kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Kedah DarulAman: Human Resources Academy.
- Abdul RahmahHj Abdullah (2005). *Wacana Falsafah Ilmu. Analisis Konsep-konsep Asas dan Falsafah Pendidikan Negara*: Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Majib Bin Omar (2007).*Membentuk Mahasiswa Minda Kelas Pertama: Tanggungjawab dan Cabaran*.
- Absar Ahmad (1992). *Qur'anic Concepts of Human Psyche*. Pakistan: The International Institute of Islamic Thought and Institute of Islamic Culture.
- Adnan Alias (1997). *Kualiti Sepintas Lalu*. Shah Alam: D' FA Print Sdn. Bhd.
- Ahmad Rizal Madar (2009). *Kemahiran 'Employability' bagi Memenuhi Kperluan Industri*.Prosiding SKIKS.
- Aladdin Hj. Mohamed Lip (1997). *Kualiti Sepintas Lalu*. Shah Alam: D' FA Print Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Penyelidikan Menguasai Dalam Pendidikan: Teori Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing.
- Basri Ibrahim (2000). *Ilmu dan Amalan di Alaf Baru*. Kuala Lumpur; DarulNu'man
- Becker, G.s. (1964). *Human Capital*. New York: National Bureau of Economic Research
- Canterucci J. (2005). *Personel Brilliance.Mastering the Everyday Habits that Create a Lifetime of Success*.New York Amacom.
- Chua Yan Piaw (2006). *KaedahdanStatistikPenyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill

- Cohen, L. Manion, L and Morrison, K (2000). *Research Method in Education*. 5th ed. Taylor and Francis e-Library
- Ezzy, D. (2002). *Qualitative Analysis: Practice and innovation*. London: Routledge.
- FadillahMansor, (2008). *Lahirkan Konsep Amalan Kerja Lebih Baik*. Wordpress, *Jabatan Syariah dan Pengurusan, AkademiPengajian Islam*; Universiti Malaya.
- Fadzila Azni Ahmad (2008). *KonsepKualitiLazimDalamAjaran Islam*. Penyelidik Bersekutu di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
- Fadzli Adam, Asyraf Ab. Rahman&RuzainiSulaiman (2006), “*Memperkasa Modal Insan: Beberapa Pendekatan dan Strategi Modal Insan dan Pembangunan Masa Kini*”: Siri Fokus Minda 3
- GhazaliDarusalam (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- HepiAndiBastoni (2008). *Belahar Dari Dua Umar KenyangkanPerut Rakyat*. Selangor: AnbakriPublikaSdn Bhd.
- IshakSaat (2009). *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*.Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Irwan Bin Rosleh. *Tranforamasi PTV kearah Melahirkan Modal Insan Berkelas Pertama*.
- Ismail Alias. *Aplikasi Minda Kelas Pertama Dalam Perkhidmatan Awam*. Seminar Psikologi Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jamaluddin Saat (2011). *Permata Selatan Bil 1/2011: Industrial Training Institute*. Johor. Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), Kuala Lumpur, DewanBahasa Dan Pustaka,
- KH.M. Syafi’IHadzami (2010).*Penjelasan Tentang Dalil-dalil Zakat, Puasa, Haji dan Jenazah*. Jakarta; PT Elex Media Komputindo
- Khairunnisa Binti Azahari (2010). *Integrasi Proses Pembangunan Spritual, Melalui Ilmu Intelektual dalam Program Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan UTM*. UniversitiTeknologi Malaysia.
- Mazilan Musa (2005). *Etika dan Integriti di Malaysia isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia

- Mohamad Zanisahli Azizi B. Md Khalid (2011). *Sosialisasi Agama dalam Mempengaruhi Tingkah laku Disiplin Pelajar Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru*, Skudai, Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Khaleed Nordin, (2008). *Mengubah Senario Global Dalam Pengajian Tinggi*. Seminar Pengurusan Akademik; Bella Vista, Langkawi
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai, Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Safaai Said. *Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Pembangunan Modal Insan dalam Gerakan Koperasi di Malaysia*. Maktab Kerjasama Malaysia, Cawangan Sabah
- Mohd Shauki Abdul Majid (2004). *Wacana Hadhari Dalam Islam*, Kuala Lumpur; iBook Publication Sdn. Bhd
- Mohd Sofian Omar Fauzee (2008). *Psikologi Kejayaan dalam Sukan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd
- Mohd Yunus Pathi (2008). *Gejala Sosial di Malaysia Masa Kini dan Punca-puncanya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mumtaz Begam, Norasiken Bakar, Norhayatee Ismail (2002). *Kualiti Dalam Pengurusan Sumber Manusia*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat (2008). *Taqwa*. Selangor: Anbakri Publika Sdn Bhd.
- Norazila Binti Sugiman (2008). *Persepsi Pelajar IPTA Terhadap Amalan Seks Bebas*. Universiti Teknologi Malaysia; Projek Sarjana Muda.
- Norman K. Denzin and Yvonna S. Lincoln (1994). *Handbook of Qualitative Research*. Sage Publication, Inc
- Overtom (2000). *Employability Skills Profile: The Critical Skills Required of the Canadian Workforce*. The Corporate Council on Education, a program of the National Business and Education Center. Ottawa Ontario.
- Ranjit Kumar (1996). *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners*. Sage Publication, Ltd.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia
- Sidek Baba (2008). *Seminar Pembangunan Insan di Malaysia "Pembangunan Modal Insan Dalam Pembangunan Negara"*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

- Siti Fatimah Abdul Rahman (1993). *Islam, Budaya Kerjadan Pembangunan Masyarakat-Satu Kefahaman*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Siti NorAtiqah Abdul Padzil, Rohana Hamzah & Amirmudin Udin (2011). *Pendidikan PTV dalam Membangunkan Tenaga Manusia Berminda Kelas Pertama*. Journal of Edupress, Volume 1.
- SitiZainabSugiman (2009). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Hubungan dengan Pembangunan Modal Insan: Kajian Terhadap Pelajar Tahun Empat Fakulti Pendidikan UTM*. Johor DarulTakzim: Universiti Teknologi Malaysia.
- SufeanHussin, Shahril@Charil Marzuki, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Habib Md Som & Alina Ranee (2005). *Pentadbir dalam Pembangunan Pendidikan*. Universiti Malaya
- SulaimanMasri (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal dan tesis)*. Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd: Kuala Lumpur
- Yusoff Bin Harun (2008). *Halatuju Pendidikan Teknikal & Vokasional*.
- ZainiUjang (2006). *Strategi Capai Piawaian Minda Kelas Pertama*.
- ZainiUjang (2008). *Lonjakan Pengajian Tinggi Sepanjang Kepimpinan Pak Lah*. Arkib Berita Harian.
- Zakaria Ahmad. *Strategi Membina Modal Insan Berminda Kelas Pertama dalam Perkhidmatan Awam*.
- ZulkifliMohamad al-Bakri (2007). *Himpunan Hadis Modal Insan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=421&Itemid=61&lang=bm
- <http://quran.com>
- <http://www.ilppg.gov.my>, 2011